

08 MAR 1997

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK HADIR MESYUARAT MSC

LANGKAWI, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada kira-kira pukul 3.10 petang dengan pesawat khas bagi menghadiri mesyuarat Koridor Raya Multi Media (MSC) petang ini dan esok.

Beliau yang disertai oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sambut oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid.

Sebaik tiba, Dr Mahathir terus menuju ke Hotel Radisson di Tangjung Rhu untuk menghadiri mesyuarat itu. Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba untuk menghadiri mesyuarat yang sama.

Esok, Perdana Menteri dijangka mengadakan sidang berita pada pukul 2.30 petang selepas mesyuarat MSC itu.

Selepas itu, beliau akan bersama-sama Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela melawat Galeri Perdana, Taman Lagenda Langkawi dan Dataran Lang.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri akan meraikan Presiden Mandela pada satu majlis makan malam sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Presiden Afrika Selatan itu dijangka tiba di sini kira-kira 6.15 petang ini dan dijangka pulang ke Pretoria pada pukul 10 pagi, Isnin ini. --

BERNAMA

AHM PR